

**PROGRAM HOMESTAY PEMANGKIN PERTUMBUHAN EKONOMI LUAR
BANDAR, KAJIAN KES: NEGERI-NEGERI UTARA SEMENANJUNG
MALAYSIA
(HOMESTAY PROGRAM RURAL ECONOMIC GROWTH CATALYST, CASE STUDY:
THE STATES NORTH PENINSULAR MALAYSIA)**

JOHAN AFENDI IBRAHIM & MOHAMAD ZAKI AHMAD

ABSTRAK

Malaysia mempunyai penduduk seramai 25.58 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2004) dengan pelbagai kaum yang mempunyai adat resam hidup masing-masing. Kaum terbesar adalah Melayu, diikuti Cina, India dan etnik-etnik lain di Sabah dan Sarawak. Keunikan adat resam setiap kaum mempunyai potensi yang besar dalam industri pelancongan. Oleh itu, pihak kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan bersama Kementerian Pembangunan Luar Bandar memperkenalkan program homestay bagi mempromosikan produk pelancongan desa. Program Homestay Malaysia dilancarkan pada tahun 1995 di Desa Murni, Kerdau, Temerloh, Pahang oleh Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Ia adalah program yang terkandung di dalam Pelan Induk Pelancongan **Luar** Bandar bermatlamat untuk menggalakkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam pelancongan. Kini, sebanyak 700 buah rumah *homestay* yang menawarkan 2,000 buah bilik di seluruh negara (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2005). Program *homestay* merupakan satu bentuk kemudahan tempat tinggal di mana pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah dan berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami cara hidup seharian keluarga berkenaan dan budaya Malaysia secara langsung. Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi memperbaiki rumah-rumah peserta dan penyediaan kemudahan infrastruktur berkualiti kepada petempatan yang terlibat. Penduduk memberikan sambutan yang baik terhadap program ini kerana mampu meningkatkan taraf sosioekonomi disamping menonjolkan budaya hidup kepada pelancong. Kertas kerja ini akan membincangkan pencapaian program homestay dalam aspek sumbangannya terhadap sosioekonomi masyarakat luar bandar, aktiviti yang dipakejkan untuk pelancong, peranan pihak kerajaan dan cabaran yang dihadapi bagi memastikan program ini mapan.

Kata kunci: homestay; pelancongan; luar bandar.

ABSTRACT

Malaysia has a population of 25.58 million people (Department of Statistics, 2004) with various people who have the custom of their lives. Is the largest ethnic Malays, followed by Chinese, Indian and other ethnic groups in Sabah and Sarawak. The uniqueness of the customs of each ethnic group has a great potential in the tourism industry. Therefore, the government through the Ministry of Culture, Arts and Tourism with the Ministry of Rural Development to introduce homestay program for the promotion of rural tourism products. Malaysia Homestay Program was launched in 1995 in the Village Fine, Kerdau, Temerloh, Pahang by the Minister of Culture, Arts and Tourism Malaysia. It is a program contained in the Rural Tourism Master Plan aims to promote rural community participation in tourism. Currently, a total of 700 houses homestay offers 2,000 rooms across the country (Ministry of Tourism, 2005). The homestay program is a form of accommodation where visitors stay with host family and the opportunity to interact and experience the daily lifestyle of the family

culture and directly. The government spent millions of dollars to repair the homes of participants and the provision of quality infrastructure facilities to the settlement involved. Residents respond well to this program because it can increase the socioeconomic status of the project as well as culture to tourists. This paper will discuss the achievements of homestay programs in contributing to socio-economic aspects of rural society, which is packaged for tourist activities, the role of the government and the challenge to ensure sustainability of this programme.

Keywords: homestay; tourism; rural areas.

1. Pengenalan

Kebudayaan meliputi cara hidup, nilai dan norma yang diamalkan sesuatu kumpulan etnik. Kebiasaannya, sesuatu budaya digambarkan melalui bahasa yang digunakan, makanan dan minuman, pakaian, kepercayaan, perilaku dan kesenian (muzik, tarian dan drama) yang mempunyai pengaruh kuat terhadap struktur politik dan organisasi di sesuatu tempat. Pelancongan budaya adalah aktiviti pelancong yang melibatkan penerokaan, menghargai kebudayaan kumpulan etnik lain dan menikmati keindahan sesuatu kebudayaan. Kebiasaannya, pelancong pergi ke sesuatu tempat bertujuan untuk melihat dan merasai pengalaman cara hidup sesuatu kumpulan etnik.

Faktor-faktor pendorong yang menggalakkan perkembangan pelancongan budaya adalah keinginan untuk mengetahui dan mencari asal-usul keturunan sejak zaman-berzaman selain daripada memahami, mendalami dan mendapatkan pengalaman baru mengenai cara hidup dan adat resam sesuatu masyarakat yang asing kepada mereka. Pelancong amat berkehendakkan pengalaman yang asli (*authentic*) yang dilakukan oleh sesuatu kumpulan etnik. Kini, pasaran pelancongan budaya semakin berkembang di mana pelancong semakin berminat untuk mengetahui secara mendalam cara hidup masyarakat lain. Kesannya, wujudlah konsep pelancongan homestay yang dibangunkan secara komersil di mana pelancong berpeluang tinggal bersama penduduk tempatan dan memperolehi pengalaman cara hidup yang diamalkan penduduk.

Tahap kepuasan pelancong amat bergantung kepada pengalaman pertama yang diterima dalam melakukan aktiviti-aktiviti budaya sesuatu masyarakat (Wood, 1984 dalam Burton, 1995). Cohen, (1980) dalam Burton (1995), melaporkan pelancong jenis '*drifter*' adalah yang terawal datang ke kawasan puak asli pergunungan di utara Thailand dimana mereka tinggal, makan dan minum serta bekerja bersama puak asli di kawasan pertanian. Menurut kajian yang dilakukan oleh Dearden & Harron (1992) dalam Burton (1995), ciri-ciri pelancong yang mengunjungi destinasi purata berumur 28 tahun, berpendidikan tinggi, golongan profesional, guru atau pelajar yang melakukan perjalanan secara persendirian.

Salah satu tujuan utama pelancongan budaya adalah mewujudkan hubungan antara penduduk dan pelancong. Dearden & Harron dalam Burton (1995), percaya perjalanan yang dilakukan mampu mewujudkan hubungan dengan puak tersebut serta mendapat pengalaman yang lebih asli (*authentic*) berbanding pelancong biasa. Mereka meletakkan puak asli pergunungan sebagai motivasi utama dalam melakukan perjalanan disamping dapat melihat keindahan pemandangan, menjauhkan diri dari bandar dan mendapatkan beberapa pengalaman baru sepanjang perjalanan yang dilakukan.

Perbezaan pendapat satu golongan terhadap golongan lain merupakan perkara normal dalam kehidupan manusia. Kebiasaannya, pelancong dan penduduk mempunyai persepsi yang

berbeza-beza mengenai budaya yang diamalkan. Ia merupakan satu peluang kepada kedua-dua golongan untuk mempelajari dan memahami cara hidup dan adat resam yang secara tidak langsung memberikan lonjakan kepada industri pelancongan antarabangsa. Kesan positif pelancongan budaya adalah meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk tempatan meliputi penawaran peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan, peningkatan kualiti kemudahan dan infrastruktur, menggalakkan keusahawanan, pemeliharaan warisan kebudayaan masyarakat di mana budaya tradisional penduduk yang hampir mati dapat diamalkan serta memastikan kelangsungannya, pembaharuan nilai budaya penduduk tempatan di mana mereka merasa bangga dengan budaya yang dimiliki serta berfikir lebih terbuka dengan budaya orang asing.

Salah satu konsep pelancongan budaya yang semakin popular dan disukai pelancong adalah melalui program homestay iaitu mengunjungi beberapa petempatan penduduk yang masih mengamalkan cara hidup tradisional. Homestay merupakan gabungan perkataan 'home' yang bermaksud rumah dan 'stay' yang bermaksud tinggal. Ia merupakan salah satu bentuk penginapan alternatif yang ditawarkan kepada pelancong. Program homestay bukan sahaja membolehkan para pelancong dari luar negara berpeluang untuk mengalami sendiri cara kehidupan seharian dengan tinggal bersama masyarakat desa, malah membolehkan pelancong menghayati budaya masyarakat tempatan serta menikmati suasana keindahan desa yang terdapat di Malaysia.

2. Impak Pelancongan Luar Bandar Kepada Penduduk Tempatan

Di kebanyakan negara-negara membangun, sektor pelancongan dijadikan sebagai pemangkin kepada pembangunan terutamanya di kawasan luar bandar (Hall, 1995 dalam Johan Afendi Ibrahim, 2001). Ia bertujuan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk yang kebanyakannya bekerja di sektor pertanian yang dibelenggu kemiskinan dan taraf pendidikan yang rendah. Sektor pelancongan juga dianggap sebagai industri yang 'bersih' dan murah dibangunkan kerana menggunakan sumberjaya sedia ada yang terdapat di kawasan tersebut. Kemasukan pelancongan diharapkan dapat menyumbangkan kesan positif kepada ekonomi, alam sekitar dan sosial sesuatu tempat (Jenkins, 1980 dalam Johan Afendi Ibrahim, 2001).

Sumbangan kepada pekerjaan boleh dilihat seperti yang berlaku di Delta Okavango, Botswana dimana 1,658 orang penduduk tempatan bekerja di dalam bidang penginapan (Mbaiwa, 2005). Mereka bekerja di dalam sektor perkhidmatan seperti buruh, pemandu kenderaan, pembantu rumah, tukang masak, kakitangan penyelenggaraan dan pengawal. Perkara yang sama juga berlaku di Taman Negara Bromo – Tengger – Semeru, Jawa Timur, Indonesia dimana kebanyakan penduduk bekerja sebagai juru pandu arah kepada pelancong, mengusahakan pengangkutan seperti jip dan menunggang kuda ke kawasan kawah gunung berapi (Bornemeier, Victor, Durst and Cochrane, 1997). Perkembangan pelancongan di Taman Negara Pahang juga telah menjanakan banyak peluang pekerjaan seperti pemandu arah ke beberapa tarikan utama di sekitar Taman Negara, juru pandu dan jurumudi bot, membuka agensi pelancongan, pengusaha chalet dan restoran terapung (Johan Afendi Ibrahim, 2001).

Sumbangan kepada pendapatan boleh dilihat seperti yang berlaku di Delta Okavango, Botswana dimana penduduk menerima pendapatan antara P300 (US\$60) dan P990 (US\$165) sebulan (2001). Walaubagaimanapun, pendapatan yang diperolehi amatlah sedikit yang terletak di bawah garis kemiskinan Botswana iaitu P955 (US\$159) (Ndubano, 2000 dalam Mbaiwa, 2005). Keadaan ini telah meningkatkan pendapatan penduduk tetapi tidak memberikan banyak kesan kepada ekonomi wilayah. Keadaan yang sama juga berlaku di Taman Negara Bromo – Tengger – Semeru, Jawa Timur, Indonesia di mana penduduk

memperolehi pendapatan hasil penyediaan perkhidmatan perjalanan kepada pelancong ke Gunung Semeru dan kemudahan penginapan. Setiap perjalanan dikenakan bayaran sebanyak Rp. 10,000 sehingga Rp. 20,000. Selain itu, penduduk menyediakan bilik sewa di masa perayaan Kosodo dan cuti umum dengan bayaran yang dikenakan sebanyak Rp. 50,000 sehingga Rp. 70,000. Oleh kerana keunikan budaya yang ada, mereka akan mengadakan upacara 'kuda lumping' iaitu tarian tradisional masyarakat Tengger. Setiap tarian dikenakan bayaran sebanyak Rp. 50,000 – Rp. 70,000 kepada pelancong (Bornemeier, Victor, Durst and Cochrane, 1997). Perkembangan pelancongan di Taman Negara Pahang juga telah menyumbang kepada pendapatan penduduk iaitu setiap pemandu arah bagi pendakian gunung menerima bayaran RM 500 / seminggu bagi setiap perjalanan. Pemandu arah di sekitar trail di Kuala Tahan pula menerima bayaran RM 120 / sehari bagi setiap perjalanan. Juru pandu bot pula menerima pendapatan antara RM 1,000 – RM 2,500 sebulan dengan membawa pelancong ke Taman Negara dari Kuala Tembeling dan kawasan sekitarnya. Pengusaha chalet dan chalet terapung pula menerima pendapatan hasil daripada perniagaan mereka (Johan Afendi Ibrahim, 2001).

Selain itu, perkembangan sektor pelancongan telah menggalakkan penglibatan penduduk dalam bidang keusahawanan. Ini dapat dilihat di Delta Okavango, Botswana dimana penduduk menceburi penyediaan kemudahan penginapan. Sebilangan kecil penduduk juga terlibat dalam perniagaan barangan runcit yang menjual barangan keperluan seharian kepada pelancong. Kebanyakan daripada penduduk masih tidak mampu untuk membangunkan sendiri perniagaan disebabkan kekurangan modal dan pengetahuan bagi menjalankan perniagaan (Mbaiwa, 2005). Perkara yang sama berlaku di Taman Negara Bromo – Tengger – Semeru, Jawa Timur, Indonesia dimana sebahagian kecil penduduk menyediakan bilik sewa di masa perayaan Kosodo dan cuti umum (Bornemeier, Victor, Durst and Cochrane, 1997). Manakala penduduk di sekitar Taman Negara Pahang terlibat di dalam penyediaan kemudahan penginapan, agensi pelancongan dan restoran terapung (Johan Afendi Ibrahim, 2001).

Sumbangan kepada penyediaan kemudahan infrastruktur boleh dilihat di Delta Okavango, Botswana dimana penduduk tempatan menerima kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air, sistem telekomunikasi dan lapangan terbang (Mbaiwa, 2005). Penduduk disekitar Taman Negara Bromo – Tengger – Semeru, Jawa Timur, Indonesia juga menerima kemudahan infrastruktur ini juga walau pun perkhidmatan masih tidak cekap (Bornemeier, Victor, Durst and Cochrane, 1997). Bagi penduduk sekitar Taman Negara, Pahang mereka telah menerima kemudahan ini seperti bekalan air, elektrik, jalan raya dan telekomunikasi akibat industri pelancongan (Johan Afendi Ibrahim, 2001).

Kemasukan pelancong juga menggalakkan penglibatan agensi awam dalam membantu penduduk membangunkan industri pelancongan disamping memperbaiki taraf sosioekonomi. Pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur disamping membangunkan sumber manusia seperti memberi latihan dan kemahiran kepada penduduk, bantuan modal bagi memulakan perniagaan, menubuhkan projek-projek berskala kecil seperti membuat barangan kulit, kedai barangan kraftangan, tapak perkemahan, pemandu pelancong dan aktiviti-aktiviti kebudayaan (Mbaiwa, 2005). Pihak kerajaan juga memberikan sebidang tanah kepada setiap isirumah bagi mengerjakan pertanian dan penebangan pokok-pokok dijadikan sebagai bahan api. Hasil pertanian dan penternakan dijual kepada pihak pentadbiran taman negara bagi keperluan makanan kepada pelancong yang datang (Bornemeier, Victor, Durst and Cochrane, 1997). Pihak kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memberikan bantuan kewangan bagi membangunkan chalet-chalet baru mengikut garis panduan yang ditetapkan. Disamping itu, Jabatan Perhilitan menyediakan

peluang dan latihan kepada penduduk sebagai juru arah dan juru pandu bagi memastikan mereka mampu memberikan maklumat yang betul kepada pelancong. Kementerian Pembangunan Luar Bandar pula memberikan bantuan kepada penduduk bagi memulakan perniagaan baru seperti restoran terapung, memasarkan hasil pertanian dan kraftangan (Johan Afendi Ibrahim, 2001).

Pengenalan industri pelancongan di kawasan luar bandar juga menggalakkan pembentukan sesebuah organisasi bagi menggerakkan pelancongan di kawasan mereka. Pihak jawatankuasa kampung merupakan tulang belakang di dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti sepanjang lawatan pelancong ke tempat mereka. Sebagai contoh, Kampung Banghunis di Sepang Selangor menubuhkan beberapa jawatankuasa-jawatankuasa kecil bagi memastikan program homestay berjalan dengan lancar. Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan meliputi menyambut tetamu, lawatan ke perusahaan Industri Kecil dan Sederhana / dusun, makanan, kebudayaan dan pemandu pelancong (Amran Hamzah & Hairul Nizam Ismail, 2000).

Selain itu, perkembangan pelancongan juga menggalakkan penduduk tempatan bersama organisasi mereka membangunkan sendiri produk pelancongan di tempat mereka. Organisasi komuniti menjalankan hal-hal pentadbiran, pelaburan dan latihan kepada penduduk seperti merancang sendiri program pelancongan, mengurus kewangan dan memberi latihan kepada penduduk. Bagi menggalakkan pembangunan pelancongan di Lembangan Kinabatangan, organisasi komuniti menubuhkan empat persatuan seperti Homestay Miso Walai, Perkhidmatan Bot Maya Talud, Kraftangan Tulun Tukou dan Persatuan Pemandu Wayon (Martin Paul Vogel & Mohd Hasim Abd Hamid, 2005).

Keadaan yang sama juga berlaku di Kampung Relau, Bandar Baharu dan Kampung Raga, Yan, Kedah dimana organisasi komuniti merupakan penggerak utama program homestay. Organisasi dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan telah merancang beberapa program dan projek seperti bantuan kewangan, promosi dan latihan bagi memastikan program homestay dapat berjalan dengan lancar dan memberikan kepuasan kepada pelancong. Selain itu, beberapa jawatankuasa kecil ditubuhkan yang berperanan sepanjang program berlangsung. Kedatangan pelancong telah memberikan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada penduduk kampung melalui pakej lawatan yang ditawarkan disamping kerjasama dengan beberapa agensi pelancongan di dalam membawa pelancong. Pihak organisasi juga mengadakan perbincangan secara kerap dengan penduduk tentang kaedah-kaedah yang sesuai diterapkan bagi memastikan kejayaan program (Kalsom Kayat, 2003).

3. Perkembangan Homestay Di Malaysia

Salah satu sebab program homestay diperkenalkan adalah meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar serta menggalakkan penglibatan mereka dalam perancangan dan pembangunan pelancongan. Homestay juga merupakan salah satu strategi kerajaan untuk mempelbagaikan punca pendapatan kepada penduduk tempatan. Melalui program ini, masyarakat setempat turut merasai pembangunan sosioekonomi yang lebih baik. Menyedari homestay dapat meningkatkan tahap ekonomi masyarakat desa, kerajaan telah pun memberikan perhatian terhadap pembangunan homestay melalui dasar-dasar yang telah dirangka (*rujuk Jadual 2.1*).

Jadual 2.1 : Dasar-Dasar Kerajaan Berkaitan Program Homestay

| Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001 – 2010) |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan luar bandar akan dipromosikan sebagai tarikan pelancongan. |

| Rancangan Malaysia Keenam (1991 – 1995) |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Kepelbagaian budaya sebagai aset tambahan kepada pelancongan. • Pembangunan pelancongan menekankan penglibatan penduduk tempatan. |
| Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 – 2000) |
| <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan penglibatan masyarakat tempatan. |
| Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan (2001 – 2010) |
| <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan pembangunan sumber manusia. |

Sumber: Laporan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua Ketiga (2001 – 2010), Laporan Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), Ketujuh (1996-2000), Kelapan (2001–2005) dan Kesembilan (2006 – 2010).

Program homestay bermula secara rasminya di Malaysia pada tahun 1995 di Desa Murni, Kerdu, Temerloh, Pahang. Ia adalah program yang terkandung di dalam Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar yang bermatlamat untuk menggalakkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam pelancongan. Kementerian Pelancongan telah menyediakan garis panduan tentang perancangan dan pengoperasian program homestay terutamanya dalam aspek kesihatan dan keselamatan. Penyertaan sebagai tuan rumah homestay (*host*) dibuka kepada semua penduduk, namun kebanyakan homestay ditawarkan sebagai program komuniti, khususnya di kawasan luar bandar. Pada mulanya, program ini hanya disertai beberapa buah kampung yang terpilih dan dilaksanakan secara kecil-kecilan. Setelah program ini memperlihatkan kejayaannya daripada aspek pulangan yang diperolehi oleh penduduk tempatan melalui peningkatan taraf sosioekonomi, perubahan pemikiran dan penyediaan kemudahan asas yang berkualiti, mendorong beberapa petempatan lain untuk terlibat secara serius dalam homestay. Kini sebanyak 141 buah petempatan di seluruh negara yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan menjalankan program homestay (*rujuk Jadual 2.2*).

Jadual 2.2: Petempatan-Petempatan Yang Terlibat Dalam Program Homestay Mengikut Negeri Di Malaysia 2008

| Negeri | Petempatan |
|---------------|--|
| Perlis | <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Ujung Bukit, Kangar • Kampung Paya Guring, Arau |
| Kedah | <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Relau, Bandar Baharu • Kampung Jeruju, Ayer Hitam • Kampung Sungai Badak, Gurun • Kampung Raga, Yan • Kampung Desa KEDA, Baling • D' Belimbing, Kuala Nerang • Kampung Wang Tok Rendong, Langkawi • Pulau Tuba, Langkawi • Kampung Sungai Itau, Langkawi • Kampung Bukit Tangga, Langkawi |
| Pulau Pinang | <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Mengkuang Titi, Seberang, Perai • Jalan Bharu, Balik Pulau • Pulau Betong, Balik Pulau • Sungai Semilang, Juru • Sungai Setar • Sungai Duri, Seberang Perai Selatan |

| | |
|-----------------|---|
| | <ul style="list-style-type: none"> • Sungai Chenaam, Nibong Tebal • Pulau Aman, Seberang Perai • Teluk Bahang, Balik Pulau |
| Perak | <ul style="list-style-type: none"> • Bagan Datoh • Sungai Klah, Batang Padang • Kampung Pauh, Bukit Gantang • Kampung Sungai Seputih, Ulu Selama • Gopeng • Kampung Beng, Lenggong |
| Selangor | <ul style="list-style-type: none"> • Air Manis, Sabak Bernam • Banghuris, Sepang • Bouganvilles, Gombak • Kampung Sungai Dorani, Sungai Besar • Kanchong Darat, Banting • Kuala Selangor Selatan / Setangkas • Kampung Kundang • Kampung Batu Laut, Tanjung Sepat • Seri Kayangan • Sungai Lang Tengah • Papitusulem, Sabak Bernam • Sepintas, Sabak Bernam • Batu 23, Sabak Bernam • Sungai Sireh, Tanjung Karang • Kampung Endah, Kuala Langat • Desa Maju, Hulu Selangor |
| Negeri Sembilan | <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Pelegong, Seremban • Kampung Serting Hilir, Bandar Sri Jempol • Kampung Lonek, Batu Kikir • Kampong Tapak Laman Bangkinang, Batu Kikir • Gemas • Pachitan, Port Dickson • Batang Nyamor, Rembau • Kelawang, Jelebu |
| Melaka | <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Alai, Melaka Tengah • Kampung Pulai, Merlimau • Kampung Sri Tanjung, Masjid Tanah • Kampung Parit Penghulu, Sungai Rambai |
| Johor | <ul style="list-style-type: none"> • FELDA Semenchu, Kota Tinggi • Kampung Tanjung Piai, Pontian • Kampung Permatang Sepam, Pontian • Kampung Puteri Menangis, Pontian • Kampung Lukut, Kota Tinggi • Kampung Temenin, Kota Tinggi • Kampong Ayer Papan Laut, Mersing • Kampung Parit Tengah, Batu Pahat • Kampung Sarang Buaya, Muar • Kampung Melayu Batu 28 Lenga, Muar • Kampung Perigi Acheh, Johor Bahru |

| | |
|------------|---|
| | <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Sinaran Baru, Johor Bahru • Kampung Parit Bugis, Muar • Kampung Sri Gunung Pulai, Pekan Nenas • Kampung Sri Paya, Kulai |
| Kelantan | <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Pantai Suri, Tumpat • Renok Baru, Gua Musang • Ulu Kusial, Tanah Merah • Bukit Jering, Jeli • Kampung Batu Papan, Gua Musang • Kampung Batu Telaga, Bachok • Pasir Mas |
| Terengganu | <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Pasir Raja, Dungun • Kampung Rhu 10, Setiu • Kampung Teluk Ketapang, Kuala Terengganu • FELDA Selasih, Jertih • Kampung Pulau Duyong, Kuala Terengganu |
| Pahang | <ul style="list-style-type: none"> • Kuala Medang, Kuala Lipis • Kampung Desa Murni, Temerloh • Kampung Sungai Pasu, Raub • Rumpun Makmur, Temerloh • FELDA Jengka 25, Jengka • Kampung Baru Salong, Pekan • Kampung Leban Chondong • Kampung Sibar, Kuala Lipis • Mukim Penor 1, Pekan • Kampung Belimbing Tengah, Jerantut • FELCRA Sungai Temau • FELCRA Sri Makmur • Taman Sedia, Cameron Highlands • Bangau Tanjung, Temerloh • Kerdau • Seri Semantan • Bukit Fraser • Kampung Belimbing, Kuantan • Megat Segama, Temerloh • Kampung Ketam, Temerloh • Kampung Tenggara • Sebarang Temerloh |
| Sarawak | <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Teluk Melano / Teluk Serabang • Kampung Telaga Air, Matang • Kampung Tanah Hitam, Lundu • Kampung Pueh, Semantan • Kampung Mongkos, Serian • Kampung Annah Rais, Kuching • ABAS, Kuching • Kampung Benuk, Padawan • Patrick Libau, Miri • Lulut, Kapit |

| | |
|-------|--|
| | <ul style="list-style-type: none"> • Kampong Maludam, Betong • Kampong Senau, Mukah • Kampong Buntal, Kuching • Kampong Islam Belimbing, Padawan • Kedayan, Miri • Kampong Santubong, Kuching • Lulut Unsa, Kapit |
| Sabah | <ul style="list-style-type: none"> • Borneo Native, Kota Kinabalu • Mitabang • Kampong Pukak, Tuaran • Misompuru, Kudat • Miso Walai, Sandakan • Sukau, Kinabatangan • Kampong Bilit, Kinabatangan • Kampong Kuala Abai, Kinabatangan • Kampong Dagat, Hilir Segama • Kampong Melangkap Tiong, Kota Belud • Taginambur, Kota Belud • Kampong Lobong-Lobong, Kota Belud • Kampong Long Pasia, Sipitang • Walai Tokau, Ranau • Slagon, Ranau • Papaga / Kuposizon, Papar • Tambunan • Kampong Tanjung Aru, Sandakan • Kampong Bayangan, Keningau • Penampang |

Sumber : Ministry of Tourism Malaysia, 2008, Tourism Malaysia 2006 dan Virtual Malaysia, 2006.

4. Kajian Kes: Homestay di Negeri-Negeri Utara Semenanjung Malaysia

Secara keseluruhan, terdapat 21 buah kampung menjalankan program homestay meliputi 2 buah kampung di Perlis, 10 buah kampung di Kedah dan 9 buah kampung di Pulau Pinang (*rujuk Jadual 2.2*). Penglibatan mereka dalam program homestay ini agak lama iaitu kurang daripada 10 tahun. Setiap kampung mempunyai keunikannya tersendiri yang dapat dilihat berdasarkan sumberjaya sedia ada seperti sawah padi, ladang getah, dusun buah-buahan, petempatan nelayan, tepi laut dan sebagainya.

Majoriti pelancong yang datang ke homestay adalah pelancong tempatan yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi melalui program anak angkat, pertubuhan-pertubuhan sukarela yang melakukan aktiviti perkemahan dan bina semangat. Pelancong antarabangsa yang datang ke homestay sebahagian besarnya berasal daripada Asia Timur (Jepun dan Korea Selatan) serta Amerika Utara dan Eropah. Kadar bermalam pelancong bergantung kepada pakej yang dibeli oleh pelancong. Sebahagian besar pelancong merupakan golongan '*day-trippers*' dimana mereka menghabiskan masa di homestay dari pagi sehingga lewat petang sebelum bertolak ke destinasi seterusnya.

Ketibaan pelancong ke homestay disambut oleh penduduk kampung dengan paluan kompang dan bunga manggar serta diberikan minuman selamat datang (*welcome drink*). Mereka berkumpul di balai raya untuk mendengar ucapan alu-aluan dan taklimat daripada

ketua kampung mengenai latarbelakang kampung dan kod etika sepanjang berada di homestay. Selepas itu, pelancong diperkenalkan kepada keluarga-keluarga angkat.

Pelancong dibawa ke rumah keluarga angkat masing-masing. Rumah-rumah yang terpilih sebagai homestay mempunyai keunikan senibina tradisional Melayu, persekitaran yang bersih, mempunyai landskap yang menarik dan dilengkapi kemudahan asas. Pelancong berpeluang menikmati pelbagai juadah masakan tradisional Melayu yang disediakan oleh keluarga angkat pada waktu sarapan pagi, makan tengahari, minum petang dan makan malam. Cara makan adalah menggunakan tangan dan duduk di atas lantai. Pelancong juga dikehendaki memakai pakaian mengikut cara kehidupan seharian penduduk kampung seperti kain pelikat, kain batik, baju melayu dan baju kurung. Sepanjang tempoh bersama keluarga angkat, pelancong dapat merasai suasana kehidupan seharian masyarakat kampung disamping mendengar kicauan burung dan unggas yang mengasyikkan.

Salah satu cara untuk memahami cara hidup masyarakat kampung melalui penglibatan secara langsung pelancong dalam beberapa acara kebudayaan seperti kenduri kahwin dan upacara-upacara kebudayaan. Pelancong berpeluang untuk melihat kerja-kerja kenduri yang dilakukan secara gotong-royong seperti mengadakan mesyuarat, mendirikan khemah, memasak lauk dan kuih-muih, menghidang makanan kenduri, mendirikan pelamin, membersihkan peralatan yang digunakan dan persekitaran kawasan. Mereka juga berpeluang untuk turut serta dalam upacara perkahwinan melalui istiadat persandingan dengan memakai pakaian dan perhiasan tradisional mengikut adat resam Melayu.

Beberapa persembahan kebudayaan masyarakat seperti tarian, seni mempertahankan diri dan permainan tradisional diadakan untuk pelancong. Persembahan kebudayaan yang popular adalah joget, nasyid, kugiran, memukul kompang, marhaban, silat, permainan gasing, menarik upih pinang, congkak, wau dan bowling padang. Mereka juga diajar mengenai teknik-teknik bermain dan peraturan permainan serta berpeluang terlibat secara langsung dalam aktiviti persembahan dan menghasilkan alat-alat permainan dan muzik dengan tunjuk ajar penduduk.

Pelancong dibawa oleh ketua kampung melawat ke kawasan-kawasan pertanian seperti sawah padi, ladang getah, kebun sayur, tapak semaian orkid liar, dusun buah-buahan dan tempat-tempat penternakan ikan, ayam, itik, lembu dan kambing bagi melihat sendiri cara-cara tradisional yang digunakan dalam mengusahakan kawasan pertanian. Mereka diberi pendedahan tentang teknik-teknik penanaman padi bermula daripada semaian sehingga ke proses penuaian, menoreh, membeku dan mengasapkan getah sebelum dihantar ke kilang, teknik memetik dan menyarung buah-buahan supaya tidak rosak, menangkap haiwan ternakan, menyemat atap dan sebagainya. Pelancong-pelancong berpeluang melakukan demonstrasi menggunakan peralatan-peralatan tradisional pertanian dengan tunjuk ajar penduduk.

Pelancong juga dibawa ke beberapa pusat perusahaan industri kecil dan sederhana yang diusahakan penduduk kampung. Perusahaan yang terkenal terdiri daripada pengasilan produk makanan seperti kerepek, kuih-muih tradisional, belacan, cencaluk, pembuatan kain batik, barangan daripada rotan, produk ukiran kayu, barangan batu marmar dan sebagainya. Mereka berpeluang untuk membeli produk-produk kampung dan melakukan demonstrasi menghasilkan corak batik sendiri dan barangan rotan dengan tunjuk ajar penduduk.

Penduduk kampung juga membawa pelancong melawat ke beberapa destinasi pelancongan yang berhampiran dengan homestay seperti berkelah di kawasan air terjun, taman rama-rama, melakukan ekspedisi permotoran dan '*jungle trekking*', mandian spa, berurut, memancing ikan, membeli-belah di Padang Besar, aktiviti '*island hopping*', turun ke laut bersama nelayan, melawat tapak bersejarah, mendaki gunung dan sebagainya.

5. Penglibatan Agensi Dalam Program Homestay

Sebanyak dua kementerian iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta Kementerian Pelancongan (MOTOUR) yang terlibat secara langsung dalam program homestay. Peranan utama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan sektor pelancongan desa bagi menjadikan kawasan luar bandar sebagai destinasi pelancongan yang menarik, memberi pengetahuan dan kemahiran untuk menjadi usahawan dalam bidang pelancongan desa, memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan sektor pelancongan desa sebagai aktiviti yang boleh memberi penambahan sumber pendapatan kepada masyarakat desa dan memberi pendedahan, pengetahuan dan kemahiran yang boleh mengalakkan pengindahan alam sekitar serta pengekalan keindahan budaya masyarakat desa. Selain itu, kementerian juga memberikan bantuan daripada aspek kewangan dan pembangunan infrastruktur kepada kampung-kampung yang berdaftar dalam program homestay. Institut Latihan Luar Bandar (INFRA) yang merupakan salah satu agensi di bawah kementerian diberi tanggungjawab mengadakan Kursus Asas Pelancongan Desa (Homestay) bagi melatih peserta homestay yang berdaftar tentang cara-cara layanan, sambutan, pengendalian dan penyusunan aktiviti yang patut dilaksanakan bagi pelancong yang tinggal bersama penduduk tempatan.

Kementerian Pelancongan (MOTOUR) pula berperanan dalam melakukan aktiviti pemasaran dan promosi program untuk menarik kedatangan pelancong. Selain itu, kementerian juga menyediakan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh semua peserta program homestay daripada aspek kualiti kemudahan dan perkhidmatan serta menyediakan peruntukan kepada peserta homestay bagi menaiktaraf kemudahan dalam rumah dan juga kos penyelenggaraan seperti tandas dan bilik-bilik penginapan. Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN) melalui Jawatankuasa Pengurusan Homestay Negeri yang merupakan agensi dibawah kementerian bertanggungjawab menguruskan aktiviti homestay disamping memberi khidmat nasihat kepada peserta tentang pengoperasian homestay.

Beberapa agensi lain juga terlibat secara tidak langsung dalam program homestay seperti Jabatan Kesihatan yang berperanan dalam memastikan tahap kebersihan di dalam dan di luar rumah-rumah peserta serta persekitaran kampung. Bentuk-bentuk pemantauan yang dilakukan adalah menilai kualiti air kegunaan harian disamping melakukan semburan kabus (*fogging*) bagi tujuan menghindarkan jangkitan atau wabak kepada penduduk dan pelancong.

Kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) menyediakan kemudahan-kemudahan untuk kegunaan penduduk dan pelancong seperti pembinaan jeti dan pembelian bot-bot penumpang baru. Jabatan Pertanian pula memberikan khidmat nasihat kepada petani tentang kaedah penanaman yang sesuai serta memberi peruntukan daripada aspek benih dan baja kepada petani. Jabatan ini tidak terlibat secara langsung dalam program homestay tetapi pelancong-pelancong akan melawat ke ladang-ladang dan kebun-kebun bagi melihat dan melakukan demonstrasi teknik-teknik penanaman dan penuaian hasil pertanian bersama penduduk tempatan. Kesemua homestay di Pulau Pinang berdaftar di bawah Koperasi Pelancongan Pulau Pinang (KOPEL) yang berperanan melakukan aktiviti-aktiviti promosi dengan mewujudkan portal e-homestay.

6. Kesan Program Homestay Kepada Penduduk Tempatan

Pelaksanaan program homestay ini telah menyumbang beberapa kesan kepada penduduk tempatan iaitu:

- i. Kesepakatan Dalam Menjayakan Program Homestay

Salah satu keunikan penduduk kampung adalah mereka mempunyai semangat bersepakat yang tinggi dalam melakukan apa-apa perkara terutamanya berkaitan dengan aktiviti kemasyarakatan. Sebilangan kecil kampung telah menubuhkan jawatankuasa homestay dibawah pentadbiran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Beberapa biro ditubuhkan dalam jawatankuasa tersebut meliputi promosi dan pemasaran, makanan dan minuman, aktiviti dan acara, lawatan, kebersihan, teknikal dan sebagainya. Penduduk kampung terutamanya peserta homestay memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam menayakan program ini.

Salah satu faktor kejayaan program homestay adalah penglibatan kaum wanita kampung. Walaupun kaum lelaki dilihat mendominasi dalam aspek perancangan aktiviti, kaum wanita pula merupakan tulang belakang bagi menggerakkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Mereka memberikan komitmen yang tinggi walaupun bergerak di belakang tabir dan kurang menonjol di khalayak umum. Penubuhan beberapa persatuan kaum ibu di kampung-kampung homestay memberi peluang kepada mereka terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.

ii. Penjanaan Peluang-Peluang Pekerjaan Baru

Pelaksanaan program homestay telah menjanakan beberapa peluang pekerjaan baru kepada penduduk tempatan. Ramai dikalangan penduduk kampung berminat untuk menceburkan diri dalam program homestay sebagai salah satu peluang pekerjaan separuh masa (*part time*) untuk mengisi masa lapang, memperolehi pendapatan sampingan dan mendapat pendedahan untuk merancang dan menguruskan aktiviti pelancong dalam program homestay. Peluang-peluang pekerjaan baru yang wujud adalah sebagai tukang masak, pemandu pelancong, melakukan tugas-tugas perancangan dan pengurusan acara serta menyediakan perkhidmatan pembersihan (*cleaner*).

Kesan daripada program homestay juga mewujudkan beberapa peluang keusahawanan kepada penduduk seperti membuka perusahaan kecil dan sederhana dalam pembuatan makanan ringan dan kuih-muih, perusahaan batik, minyak angin, produk herba, gamat, pembuatan barangan kraftangan daripada batu marmar, membuka kedai makanan dan minuman, kedai runcit, mengambil tempahan makanan dan minuman untuk majlis-majlis, menyediakan perkhidmatan '*island hopping*', menyewa bot dan membuka agensi pelancongan.

iii. Penjanaan Sumber Pendapatan Kepada Penduduk

Pendapatan program homestay berpunca daripada penjualan pakej-pakej lawatan, penyediaan makanan, minuman dan pengangkutan, persembahan acara kebudayaan serta penjualan produk-produk desa seperti kraftangan dan makanan ringan. Pihak kerajaan hanya membantu daripada aspek memberi peruntukan untuk menaiktaraf rumah-rumah peserta dan infrastruktur kampung. Pendapatan yang diperolehi daripada program homestay diagihkan dalam tiga cara sama ada dimasukkan ke dalam tabung JKKK bagi tujuan aktiviti-aktiviti kampung, dimasukkan ke dalam akaun koperasi homestay bagi tujuan aktiviti-aktiviti koperasi atau diberi terus kepada peserta-peserta homestay.

Sebahagian besar peserta homestay yang diselidiki bekerja sendiri dalam bidang pertanian, penternakan, menjalankan perniagaan kecil-kecilan dan nelayan. Selain itu, terdapat dikalangan peserta adalah bekas kakitangan kerajaan dan swasta yang telah berpencen. Punca utama pendapatan bergantung kepada hasil penjualan produk pertanian, sumbangan oleh kerajaan dalam bentuk wang pencen dan pemberian daripada anak-anak dimana jumlahnya adalah kecil. Majoriti daripada peserta berpendapat tujuan mereka terlibat dalam program homestay adalah untuk memperolehi pendapatan sampingan bagi menampung

perbelanjaan keluarga serta mengisi masa lapang terutamanya bagi golongan berusia untuk menghilangkan kesunyian dengan ketiadaan anak-anak yang bekerja jauh di bandar-bandar. Kadar pendapatan yang diperolehi oleh peserta homestay bergantung kepada jumlah kedatangan pelancong. Purata pendapatan yang diperolehi peserta adalah sekitar RM 1,000.00 sehingga RM 1,500.00 sebulan pada musim-musim tertentu.

iv. Penyediaan Infrastruktur Dan Kemudahan Masyarakat

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berperanan dalam membangunkan kampung-kampung di Malaysia daripada aspek fizikal dan sumber manusia. Kesemua kampung yang diselidiki dilengkapi kemudahan infrastruktur dan kemudahan masyarakat seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik, telekomunikasi, dewan, balai raya, masjid dan surau, sekolah dan sebagainya. Sebahagian besar kampung merupakan peserta Gerakan Daya Wawasan dalam membentuk penduduk kampung yang berdaya tahan serta berupaya mengeksploitasi sumber sedia ada sebagai sumber kekayaan baru. Mereka menerima pelbagai peruntukan daripada kerajaan dalam melakukan perniagaan, penternakan dan perusahaan sendiri secara kecil-kecilan. Kekuatan daripada aspek kelengkapan infrastruktur, kemudahan dan aktiviti-aktiviti perusahaan kampung mendorong penduduk terlibat dalam program homestay secara serius.

7. Isu Dan Cabaran

Sepanjang pelaksanaan program homestay di negeri-negeri utara Semenanjung, beberapa isu dan cabaran dikenalpasti iaitu :

i. Kelemahan Pengendalian Homestay

Sebahagian besar kampung tidak mempunyai satu jawatankuasa homestay yang tersendiri yang kebanyakannya diserapkan ke dalam organisasi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Satu struktur organisasi homestay perlu ditubuhkan secara berasingan dengan jawatankuasa-jawatankuasa lain bagi memastikan perancangan dan pengurusan homestay dapat dilakukan dengan lancar. Selain itu, perlunya ditubuhkan beberapa biro-biro / unit kecil supaya tidak berlakunya pertindihan tugas dan aktiviti yang dilakukan berjalan dengan berkesan. Struktur organisasi yang jelas, kekuatan ilmu dan pengalaman yang ada dalam bidang pelancongan akan mengurangkan pergantungan penduduk dengan pihak-pihak lain (kerajaan dan agensi pelancongan) dalam menarik kedatangan pelancong ke homestay serta menikmati manfaat daripada pelancongan secara maksimum.

Layanan dan hospitaliti merupakan faktor terpenting dalam mengukur kejayaan program homestay. Ia meliputi cara melayan tetamu, bentuk interpretasi, maklumat yang diberikan dan pengalaman yang diamali pelancong. Kualiti layanan yang terbaik menyumbang kepada kepuasan pelancong sepanjang percutian yang dilakukan. Cabaran utama dalam menjayakan program homestay adalah mendidik peserta dan penduduk kampung tentang kepentingan menjaga kebersihan persekitaran serta cara layanan kepada pelancong. Sebahagian besar peserta homestay masih menganggap layanan dan kebersihan persekitaran merupakan perkara yang remeh dan dilakukan secara ala kadar sahaja.

Sebahagian besar kampung mempunyai pusat interpretasi yang terdapat dibalai raya untuk tatapan pelancong. Walau bagaimanapun, cara persembahan dan maklumat yang dipaparkan tidak begitu terperinci dan kurang menarik. Keadaan ini menjejaskan minat

pelancong untuk membaca dan mendapatkan maklumat mengenai keistimewaan sesebuah kampung.

Penguasaan bahasa asing yang lemah terutamanya Bahasa Inggeris dikalangan peserta homestay sedikit sebanyak mewujudkan masalah komunikasi terutamanya dengan pelancong antarabangsa. Keadaan ini menyumbang kepada masalah ketidakpuasan hati pelancong terutama daripada aspek hospitaliti, memperolehi maklumat secara terperinci dan pengalaman sepanjang percutian yang dilakukan. Penduduk tempatan juga mengalami kesukaran untuk mengetahui keinginan dan kehendak pelancong yang datang dan akhirnya mereka mempunyai persepsi yang negatif kepada pelancong.

Pemasaran dan promosi merupakan salah satu faktor terpenting dalam industri pelancongan. Cabaran kepada semua homestay adalah merancang pendekatan yang sesuai bagi menarik kedatangan pelancong. Majoriti homestay yang diselidiki amat bergantung kepada promosi yang dilakukan oleh pihak kerajaan melalui brosur-brosur. Sebahagian besar kampung yang menjalankan program homestay tidak mempunyai laman web yang sendiri bagi membolehkan pelancong mendapatkan maklumat tentang tarikan sedia ada, pakej lawatan dan melakukan tempahan terus untuk mengunjungi homestay.

ii. Kekangan Sumberjaya Manusia

Sebahagian besar peserta homestay dan individu-individu yang menjadi penggerak utama program terdiri daripada golongan yang telah berusia antara 50 – 65 tahun. Ini disebabkan kurangnya golongan belia di kampung-kampung yang berhijrah ke kawasan bandar bagi merebut peluang-peluang pekerjaan. Jika masalah ini tidak ditangani dengan serius, program homestay yang dijalankan tidak mampu bertahan dalam jangka masa panjang kerana ketiadaan generasi pewaris untuk menggerakkan program ini.

iii. Masalah Gangguan Bekalan dan Penyelenggaraan Kemudahan

Majoriti daripada kampung yang dikaji menikmati kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, Homestay Kampung Paya Guring, Perlis sering mengalami masalah gangguan bekalan air terutamanya pada musim kemarau disamping perletakannya yang jauh di pedalaman. Pelancong-pelancong yang pernah mengunjungi kampung ini telah menyuarakan ketidakpuasan hati mengenai gangguan bekalan air dan dikuatiri mereka tidak lagi memilih kampung ini sebagai destinasi percutian.

Kerajaan telahpun menyalurkan peruntukan yang besar dengan menyediakan kemudahan asas dan masyarakat kepada penduduk kampung tetapi dibelenggu masalah penyelenggaraan. Tapak perkemahan, dapur, tandas, dewan orang ramai dan tempat-tempat tumpuan pelancong dibiarkan dalam keadaan lusuh, rosak dan diselubungi semak-samun. Keadaan ini boleh menyumbang kepada tanggapan negatif pelancong terhadap destinasi dan masyarakatnya.

Sepanjang kajian yang dilakukan, didapati sebahagian besar kampung ini tidak mempunyai papan tanda penunjuk arah di jalan-jalan utama. Ini telah menyukarkan pelancong-pelancong untuk tiba dengan mudah ke homestay dan boleh menjejaskan minat pelancong ke destinasi ini.

iv. Pertentangan Budaya Antara Pelancong Dengan Tuan Rumah (*Host*)

Pada asasnya, homestay merupakan satu bentuk kemudahan penginapan dimana pelancong tinggal bersama tuan rumah untuk mempelajari dan mendapatkan pengalaman tentang cara hidup seharian tuan rumah dan masyarakat tempatan. Salah satu kesan negatif daripada program ini telah mewujudkan pertentangan budaya antara pelancong dan tuan rumah.

Budaya pelancong terutamanya dari barat amat berbeza dengan budaya masyarakat timur yang lebih sopan dan beradab. Apabila pelancong datang ke kampung dan tinggal bersama dengan tuan rumah, sedikit sebanyak gelagat pelancong menimbulkan perasaan kurang selesa kepada tuan rumah. Bagi mengatasi masalah ini, beberapa homestay menyediakan unit-unit penginapan dimana pelancong tinggal berasingan dengan tuan rumah. Penduduk pula menginginkan kebebasan (*privacy*) dalam menjalankan aktiviti seharian dan tidak mahu aktiviti mereka menjadi tatapan pelancong sepanjang masa.

8. Cadangan dan Penyelesaian

Setiap kampung yang mengendalikan program homestay perlu menubuhkan jawatankuasa homestay yang mempunyai struktur organisasi yang khusus. Ia perlu berasingan dengan jawatankuasa-jawankuasa lain yang berperanan dalam pembangunan dan pengurusan kampung. Beberapa biro / unit kecil dalam jawatankuasa homestay perlu ditubuhkan dan diperjelas skop kerja masing-masing supaya tidak berlaku sebarang pertindihan tugas dan pembaziran sumber manusia. Jawatankuasa yang dibentuk terdiri daripada pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan bendahari serta penubuhan beberapa biro / unit kecil seperti makanan dan minuman, teknikal, kebersihan, acara, kebudayaan, perubahan, pengangkutan dan acara. Ini memastikan supaya perjalanan aktiviti homestay dapat bergerak dengan lancar dan memberi kepuasan kepada pelancong.

Pihak jawatankuasa perlu berdikari dalam menjalankan program homestay dengan tidak terlalu bergantung dengan bantuan kerajaan dan agensi luar. Walaupun setiap homestay berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Persatuan Homestay Negeri yang melakukan pelbagai aktiviti promosi, penduduk tempatan perlu merancang strategi-strategi baru yang bersesuaian bagi menarik kedatangan pelancong. Pendekatan ini sekaligus memastikan penduduk tempatan mendapat kesan positif secara maksimum daripada pelancongan. Peserta homestay perlu diberi pendedahan dengan melakukan lawatan ke beberapa petempatan homestay yang berjaya untuk menimba ilmu pengetahuan dan berkongsi pengalaman tentang pendekatan-pendekatan terbaik dalam membangunkan sesebuah homestay. Bagi perancangan jangka masa pendek, penduduk kampung perlu melakukan program kerjasama dengan pelbagai agensi luar berkaitan pelancongan (persatuan homestay, agensi pelancongan, pihak kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan) untuk memastikan program homestay yang dilakukan berkembang dengan pantas.

Selain itu, penduduk tempatan perlu berubah daripada segi '*mindset*' terhadap pelancongan. Mereka perlu bersedia untuk berubah dengan meninggalkan cara hidup yang tidak baik seperti malas, pengotor, terlalu selesa kepada rajin bekerja, menitikberatkan soal kebersihan, ingin maju dan sebagainya. Penduduk juga perlu peka kepada kehendak pelancong yang sentiasa berubah-ubah mengikut arus semasa industri pelancongan. Pelancong yang datang ke program homestay mempunyai latarbelakang yang berbeza-beza mengikut budaya, negara dan adat resam. Pengetahuan tentang latarbelakang pelancong adalah penting supaya penduduk tempatan mengetahui, memahami dan lebih sensitif dengan kehendak dan keinginan pelancong sepanjang percutian di homestay.

9. Penutup

Program homestay dilihat sebagai pemangkin dalam meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk luar bandar melalui pelancongan. Ia merupakan satu pelaburan yang menguntungkan, berpotensi besar dan berdaya maju. Homestay seharusnya tidak dilihat sebagai produk kekampungan, tetapi berupaya mengubah taraf hidup masyarakat luar bandar.

Kejayaan dan kegagalan pengendalian program homestay bergantung kepada kesepakatan penduduk kampung dan kerjasama agensi-agensi luar dalam program ini. Mereka merupakan tulang belakang dalam memastikan setiap aktiviti dapat dilakukan secara berkesan dan memberikan kepuasan kepada pelancong. Walaupun begitu, homestay adalah sama dengan konsep-konsep pelancongan lain yang tidak terlepas daripada isu keselamatan. Justeru itu, kesemua pihak yang berkaitan dengan program homestay perlu peka dengan perubahan industri pelancongan semasa dengan melakukan beberapa tindakan dan pendekatan yang sesuai bagi memastikan penduduk tempatan tidak menderita akibat pelancongan dan masih menyumbangkan kesan-kesan positif selamanya.

Rujukan

- Amran H. & Hairul Nizam I. 2000. 'A Tale Of Three Kampung: A Comparative Study Of The Homestay Programme Kampung Banghunis': Paper Presented At Seminar On Rural Small And Medium Scale Industries In The Globalisation Era, Universiti Teknologi Malaysia, 11 – 13 September 2000.
- Bornemeier J., Victor M. and Durst P.B. 1997. *Ecotourism For Forest Conservation And Community Development*, Proceedings of an International Seminar, Chiang Mai, Thailand.
- Burton, R. (1995). *Travel Geography: Second Edition*. London: Pitman Publishing.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2004. *Bilangan Penduduk Malaysia 2005*. Diperolehi pada 22 Disember 2005 daripada <http://www.statistics.gov.my>.
- Johan Afendi I. 2001. *Penilaian Kemampanan Terhadap Konsep Eko-Pelancongan Di Kawasan Yang Dilindungi, Kajian Ke : Taman Negara, Pahang*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kalsom K., Nor Ashikin MN & Mohamad Amin MI. 2003. *Community Participation In Kedah Homestay Programs*, Fakulti Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti Dan Alam Sekitar, Universiti Utara Malaysia.
- Kementerian Pelancongan Malaysia. 2005. *Maklumat Pelancongan: Program Homestay*. Diperolehi pada 29 Disember 2005 daripada <http://www.motour.gov.my>.
- Kerajaan Malaysia. (1990, 2000). *Laporan Rangka Rancangan Jangka Panjang 2 dan 3*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Kerajaan Malaysia. (1991, 1996, 2000, 2006). *Rancangan Malaysia Keenam, Ketujuh, Kelapan Dan Kesembilan*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Mbaiwa E. J. 2005. Enclave Tourism And Its Socio Economic Impacts In The Okavango Delta, Botswana. *Journal Of Tourism Management*.
- Ministry of Tourism Malaysia. 2008. *Directory Homestay Malaysia*. Retrieved 30 Disember 2008 from <http://www.homestay.uum.edu.my>
- Tourism Malaysia. 2006. *Activities: Homestay 2006*. Diperolehi pada 15 Disember 2006 daripada <http://www.tourism.gov.my/>
- Virtual Malaysia. 2006. *Homestay*. Retrieved 9 January, 2006 from http://www.virtualmalaysia.com/search/search_result.cfm.
- Vogel M.P. & Abdul Hamid M.H. 2005. *Developing Community Based Tourism At The Kinabatangan Basin: A Review Of The Mescot Project* : Paper Presented At Seminar On Pro Poor Tourism : Mechanism & Mainstreaming, Universiti Teknologi Malaysia, 4 – 6 May 2005.